

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR***Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.myLaman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA**PERKEMBANGAN TERKINI PENULARAN WABAK PENYAKIT
AFRICAN SWINE FEVER / DEMAM BABI AFRIKA (ASF)
DI NEGERI SELANGOR**

1. Penyakit African Swine Fever (ASF) adalah penyakit yang dikategorikan sebagai penyakit bukan zoonotik iaitu penyakit yang tidak menjangkiti manusia. Malahan, penyakit ASF juga adalah jenis penyakit Host Spesifik yang mana ianya hanya menjangkiti ternakan babi sahaja.
2. Penyakit ASF ini hanya berlaku di dua daerah ini sahaja dalam Negeri Selangor iaitu di daerah Kuala Langat dan Sepang sahaja kerana penternakan babi ini hanya dijalankan di dua daerah ini sahaja. Kesemua ladang babi iaitu sebanyak 114 buah ladang ini adalah ladang babi yang dilesenkan mengikut Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991.
3. Sehingga 25 Februari 2025, DVS Selangor telah selesai menjalankan pemeriksaan dan surveilan ke atas kesemua ladang babi ini. Hingga pada hari ini, hasil daripada ujian persampelan yang dijalankan sebanyak 56 IP atau Indeks Penyakit ASF telah dikesan di 56 buah ladang babi daripada 114 ladang yang ada. Bakinya pula adalah Negatif penyakit ASF setelah ujian dijalankan. Bagi babi yang berada di ladang yang tidak dijangkiti penyakit ASF, pemindahan babi ini masih dibenarkan untuk tujuan penyembelihan di rumah penyembelihan dilesenkan.

4. Sebanyak lebih kurang 76,000 ekor babi di 56 IP ini dipercayai telah dijangkiti penyakit ASF.

5. Bagi mengekang penularan penyakit ASF ini daripada terus merebak khususnya keluar dari Negeri Selangor, DVS Selangor telah mengambil beberapa langkah proaktif mengikut lunas undang-undang iaitu di bawah Akta Binatang 1953:-

5.1 Perintah di bawah Seksyen 19, Akta Binatang 1953 iaitu suatu perintah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar kepada pemilik ladang babi, yang mana pihak DVS Selangor telah kenal pasti babi di ladangnya telah disahkan atau dipercayai dengan semunasabahnya dijangkiti penyakit ASF. Perintah ini adalah satu perintah kepada pemilik babi untuk melupuskan kesemua babi yang ada di ladang terlibat. Sehingga 2.00 petang pada hari ini, sebanyak 14 Perintah di bawah Seksyen 19, Akta Binatang 1953 telah dikeluarkan kepada 14 pemilik ladang babi yang terlibat. Mengikut rekod termasuk rekod pada hari ini, sebanyak 2 pemilik babi telah mematuhi Perintah ini iaitu melupuskan kesemua babi di ladang masing-masing dengan pemantauan oleh pihak berkuasa veterinar. Pelupusan babi yang pertama telah selesai dilaksanakan pada 05 Februari 2025 yang melibatkan lebih kurang 668 ekor babi. Sehingga 2.00 petang pada hari ini iaitu 25 Februari, lebih kurang 1,200 ekor babi telah dilupuskan mengikut Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM). Kesemua babi yang dilupuskan secara *euthanasia* (*euthanasia*) menggunakan gas CO₂ dan ditanam di kawasan ladang babi itu juga.

5.2 DVS Selangor turut mengambil langkah yang drastik dalam mengawal aktiviti pemindahan keluar dan masuk babi di dalam Negeri Selangor. Antaranya, syarat pemindahan babi antara daerah yang terlibat di dalam Negeri Selangor telah diperketatkan. Bagaimana cara ia diperketatkan, pemindahan babi hanya dibenarkan di dalam Negeri Selangor dan hanya untuk tujuan penyembelihan di rumah penyembelihan dilesenkan. Selain itu, bagi mengelakkan berlakunya pemindahan babi tanpa kebenaran atau tidak mengikut undang-undang dari Negeri Selangor, DVS Selangor telah menetapkan laluan pergerakan kenderaan pengangkut babi ke rumah penyembelihan dilesenkan. Ini bermakna, sekiranya kenderaan pengangkut babi ini

dikesan tidak berada di laluan yang ditetapkan semasa memindahkan babi, maka orang yang memindahkan babi ini telah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di mahkamah.

5.3 DVS Selangor turut memperhebat kawalan pemindahan babi mahupun karkas atau bangkai babi, khususnya keluar dari Negeri Selangor melalui aktiviti penguatkuasaan seperti rondaan dan pemantauan pemindahan babi di sempadan Negeri Selangor. Hasil daripada tindakan penguatkuasa tersebut, sebanyak 37 buah kenderaan pengangkut telah diperiksa semasa Ops. ASF dijalankan dan sebanyak 6 buah kenderaan pengangkut telah disita termasuk 1 buah ro-ro pengangkut.

6. Dari segi jumlah penyitaan, sebanyak 68 ekor babi dan anggaran 9,405.7 kg karkas babi telah disita melibatkan pelbagai kesalahan termasuklah di bawah Seksyen 34 dan Seksyen 36 Akta Binatang 1953. Kesemua nilai rampasan dianggarkan dengan nilai sebanyak RM 472,900.00. Sebanyak 7 kertas siasatan telah dibuka dan akan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat setelah siasatan lengkap.

7. DVS Selangor turut mengaktifkan hebahan dan kempen berkaitan penyakit ASF, peningkatan biosekuriti di ladang babi khususnya kepada penternak babi di Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan penyakit ASF tidak merebak kepada babi yang masih ada di Negeri Selangor atau pun keluar dari Negeri Selangor.

**PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

25 FEBRUARI 2025